



(50)dlm. PPS 10/4/2 BUB Jld 5

20 Mei 2010

Semua Pengarah Bahagian,
Semua Pengarah JPS Negeri,
Semua Jurutera Projek

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

Surat Arahan KP JPS

**Perkara: Pemakluman Surat Arahan Perbendaharaan
Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan Kerajaan**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) mengenai Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa bermula pada 1 April 2010.


3. Dengan pengeluaran SAP ini, semua perolehan yang dilaksanakan oleh Jabatan hendaklah memasukkan perkara-perkara berikut:-

- i) Memasukkan "Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah" seperti di Lampiran A dalam Arahan Kepada Pentender semasa penyediaan dokumen tender.
- ii) Memasukkan "Addendum No. 1 to the Conditions of Contract PWD 203/203A (Rev. 2007)" seperti di Lampiran B1 dalam dokumen tender kerja konvensional.
- iii) Memasukkan "Addendum No. 1 to the Conditions of Contract PWD DB (Rev. 2007)" seperti di Lampiran B2 dalam dokumen tender kerja reka dan bina.
- iv) Memasukkan "Surat Akuan Pembida" seperti di Lampiran C1 dalam semua dokumen tender dan sebutharga. Surat akaun ini mestilah dianggap sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran pentender/penyebutharga.
- v) Menyertakan "Surat Akuan Pembida Berjaya" seperti di Lampiran C2 semasa penghantaran Surat Setujuterima Tender/Sebutharga untuk ditandatangani oleh kontraktor yang berjaya dan dipulangkan bersama-sama Surat Setujuterima Tender/Sebutharga yang telah ditandatangani.

4. Kerjasama Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan untuk mematuhi SAP tersebut amatlah diharapkan selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"


(DATO' IR HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia,
Kuala Lumpur.

- s.k. - Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) JPS Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia
- Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) JPS Malaysia
- Pengarah Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak
- Juruukur Bahan Ibu Pejabat


f:/ba/su/pengarah kpps/sap integ pact

[Untuk dimasukkan dalam 'Arahan Kepada Petender']

**PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH
REMINDER PERTAINING TO THE OFFENCE OF CORRUPTION**

Semua Petender adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu para petender diberi peringatan seperti berikut:

All tenderers are reminded not to be involved in the criminal activities of corruption in relation to this procurement. Therefore all tenderers are reminded as follows:

- (i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Act 2009 (Act 694).

- (ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

If any person offers or gives any gratification to any member of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Act 2009 (Act 694).

- (iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Act 2009 (Act 694).

- (iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 2009).

Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Act 2009 (Act 694).

The Addendum No.1 to the Conditions of Contract PWD 203/203A (Rev. 2007) shall be read and construed as part of the said Conditions of Contract.

**ADDENDUM NO.1 TO THE CONDITIONS OF CONTRACT
PWD 203/203A (REV. 2007)**

NO.	AMENDMENTS
-----	------------

1. Substitute the whole of Clause 53 on page 36 with the new Clause 53 as follows:

"Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

- (a) *Without prejudice to any other rights of the Government, if the Government is satisfied that the Contractor, its personnel, servants, agents or employees is or are involved in corruption or unlawful or illegal activities in relation to this Contract or any other agreement that the Contractor may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate at any time, by giving immediate written notice to that effect to the Contractor.*
- (b) *Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs, and expenses) incurred by the Government arising from such termination and clauses 51.1(c) (i) and (ii) shall apply.*
- (c) *Nothing in clause 53 or anything else contained in this Contract shall render the Government in any way liable for payments upon termination.*

The Addendum No.1 to the Conditions of Contract PWD DB (Rev. 2007)
shall be read and construed as part of the said Conditions of Contract.

**ADDENDUM NO.1 TO THE CONDITIONS OF CONTRACT
 PWD DB (REV. 2007)**

NO.	AMENDMENTS
-----	------------

1. Substitute the whole of Clause 61 on page 51 with the new Clause 61 as follows:

"Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

- (a) *Without prejudice to any other rights of the Government, if the Government is satisfied that the Contractor, its personnel, servants, agents or employees is or are involved in corruption or unlawful or illegal activities in relation to this Contract or any other agreement that the Contractor may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate at any time, by giving immediate written notice to that effect to the Contractor.*
- (b) *Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination and clauses 60.1(c) and (ii) shall apply.*
- (c) *Nothing in clause 61 or anything else contained in this Contract shall render the Government in any way liable for payments upon termination.*

SURAT AKUAN PEMBIDA**Bagi****(Tajuk dan Nombor Tender/Sebut Harga)**
.....

Saya, **(Nama Wakil Syarikat)** nombor K.P. yang mewakili
 **(Nama Syarikat)** nombor Pendaftaran
 **(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya
 atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi
 rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian/Agensi)** atau
 mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti
 di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat
 seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
 menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
 ...**(Nama Kementerian/Agensi)**... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk
 dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju
 tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
 mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
 tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
 perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau
 balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

..... **(Tandatangan)**
 (Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**Bagi****(Tajuk dan Nombor Tender/Sebut Harga)**
.....

Saya, **(Nama Wakil Syarikat)** nombor K.P. yang mewakili
 **(Nama Syarikat)** nombor Pendaftaran
 **(MOF/PKK/CIRB/ROS/ROC/ROB)** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya
 atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi
 rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian/Agensi)** atau
 mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di
 atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat
 seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
 menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
 .. **(Nama Kementerian/Agensi)** ... atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran
 mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat
 bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
 mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan
 tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
 perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau
 balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

..... **(Tandatangan)**
 (Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.